

**PENDAFTARAN PENYEDIA PERKHIDMATAN (SERVICE PROVIDER)
DI HAD PELABUHAN TELUK VICTORIA W.P LABUAN**

1. Syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan yang telah menyediakan perkhidmatan di pelabuhan Dermaga Merdeka, W.P. Labuan sebelum **02 Januari 2016** adalah dipelawa untuk mendaftar syarikat masing-masing dengan Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL).
2. Tujuan pendaftaran adalah untuk mengenalpasti pihak yang membekal dan memberi perkhidmatan serta jenis perkhidmatan yang merangkumi aktiviti pelabuhan (*ports activities*) sahaja.
3. Dokumen-dokumen berikut haruslah disediakan:
 - 3.1 pendaftaran syarikat;
 - 3.2 latarbelakang / profil syarikat;
 - 3.3 aktiviti pelabuhan yang dijalankan oleh syarikat (disahkan oleh Jabatan Laut Malaysia W.P. Labuan); dan
 - 3.4 laporan tahunan syarikat (sekiranya ada).
4. Pendaftaran boleh dibuat dengan cara mengisi borang pendaftaran yang boleh diperolehi di pejabat LPL di alamat berikut:

Tingkat 1 & 3
d/a Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan & Laut China Selatan,
Jalan Merdeka
87012 Wilayah
Persekutuan Labuan

mulai dari tarikh: 17 Julai 2017

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila berhubung dengan pegawai berikut:
 - 5.1 Penasihat Undang-Undang di talian mudah alih: 013-8383303 atau e-mel: norkartiny@bpa.gov.my; atau
 - 5.2 Pengurus Operasi di talian mudah alih: 013-8340407 atau e-mel: myoshi@bpa.gov.my
6. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan LPL akan dibenarkan beroperasi di had pelabuhan Teluk Victoria, W.P. Labuan.

7. Melalui pendaftaran ini nanti tatacara pengiktirafan penyedia perkhidmatan sedia ada adalah seperti berikut:
 - 7.1 Peringkat 6 bulan yang pertama adalah dalam bentuk pendaftaran untuk menilai prestasi perkhidmatan; dan
 - 7.2 Lanjutan dari pendaftaran ini, syarikat akan melalui proses penilaian dan pengiktirafan (sekiranya perlu) bertujuan untuk dilesenkan bagi menjalankan aktiviti pelabuhan.
8. Tempoh pendaftaran bermula dari **17 Julai 2017 sehingga 16 Ogos 2017**.
9. Pendaftaran adalah PERCUMA.